

05/10/2003

Dilema kedudukan Iraq dalam OIC

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Hazmir Bakar

SIDANG Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 yang akan berlangsung di Putrajaya pada 11 hingga 18 Oktober ini pastinya akan membincangkan isu penaklukan Iraq. Bagaimanapun, status Iraq ke sidang kemuncak itu masih samar-samar. OIC sebelum ini menegaskan bahawa Iraq, salah sebuah negara pengasas pertubuhan itu, hanya akan dijemput sebagai negara pemerhati kerana tidak mempunyai kerajaan yang sah. Majlis Pemerintah Iraq (IGC) yang dilantik Pentadbir Awam Amerika pada Julai lalu pula dilihat tidak lebih daripada boneka Washington. Wartawan Berita Minggu, AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN dan WAN HAZMIR BAKAR menemui Konsul Iraq ke Malaysia, Sabah Latif Ahmed, di pejabat kedutaannya berhubung isu berkenaan serta masa depan Iraq selepas rejim Saddam Hussein.

OIC sebelum ini menyatakan Iraq hanya akan dijemput sebagai negara pemerhati ke Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya. Apakah pendirian dan harapan Iraq serta sudahkah anda menerima jemputan?

Kami mahu menghadirinya sebagai negara anggota dan belum menerima jemputan. Kami sudah menemui pegawai Wisma Putra bagi mendapatkan sokongan supaya kami dapat menghadiri sidang kemuncak itu.

Apakah Iraq mahu menghadiri sidang kemuncak itu sebagai pemerhati atau anggota penuh?

Kami mahu menduduki kerusi Iraq, bukan kerusi pemerhati. Kami menduduki kerusi kami dalam Liga Arab dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Iraq adalah salah satu daripada negara pengasas OIC dan kami mahu menduduki tempat kami sebagai negara dan kerajaan biasa. Kami tidak mahu sekali lagi diabaikan atau diketepikan oleh negara Islam lain. Iraq perlukan sokongan negara Islam lain seperti Malaysia. Rakyat Iraq kini di bawah penaklukan, tetapi ia tidak bermakna tidak ada lagi negara atau Iraq. Iraq masih wujud tetapi di bawah penaklukan. Kerajaan kami, iaitu IGC, meminta Amerika supaya meninggalkan Iraq dan menyerahkan kuasa kepada rakyat Iraq.

Apakah status Iraq dalam OIC?

Bagi Iraq, kami adalah anggota OIC. Mungkin sesetengah pihak mempunyai pandangan berbeza. Tetapi, kami adalah anggota OIC. Kami sudah menduduki kerusi dalam Liga Arab dan PBB. Maka kami ingin menghadiri Sidang Kemuncak OIC sebagai negara anggota.

Apa kata Amerika? Adakah mereka membenarkan Iraq menjadi sebahagian daripada OIC?

Kami mempunyai kerajaan dan kami mahu menduduki kerusi kami sebagai negara anggota OIC.

Apakah yang ingin Iraq nyatakan pada sidang kemuncak itu nanti?

Mereka akan membincangkan isu Iraq pada sidang kemuncak seperti yang dinyatakan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid, beberapa hari lalu. Justeru, kami mahu berada di sana apabila mereka membincangkan kes kami. Adalah lebih baik bagi kami. Begitu juga dengan negara lain, untuk kami berada di sana bagi menyatakan pandangan kami. Kami mengharapkan sokongan dunia Islam, kami ingin menjelaskan isu dan kes kami.

Apakah ada pemimpin dari Baghdad yang akan ke sini. Berapa besar delegasi anda?

Mungkin anggota IGC seperti Menteri Luar dan beberapa delegasi lain. Ya, delegasi besar. Mungkin lebih 10 anggota.

Apakah Iraq sudah mengemukakan permohonan kepada Sekretariat OIC bagi menghadiri sidang kemuncak itu sebagai negara anggota?

Kami sudah menemui pegawai Wisma Putra untuk menyatakan hasrat kami. Delegasi kami di PBB menemui delegasi negara Islam lain dan akan membincangkan kehadiran Iraq pada Sidang Kemuncak OIC. Jemputan kepada Iraq seharusnya dibuat seperti biasa kerana kami adalah anggota OIC.

Iraq masih menganggap ia sebagai anggota OIC?

Sudah tentu, kami adalah salah satu negara pengasas OIC. Kami adalah negara merdeka sejak 1920. Ini (penaklukan Iraq) adalah kes sementara dan hanya menunggu masa (untuk berakhir). Kami tidak mahu ditakluki, sudah tentu tiada negara yang mahu ditakluki. Britain menakluk Iraq pada 1917 dan mereka berada hanya untuk tiga tahun saja. Mereka tidak dapat meneruskannya. Banyak negara yang ditakluk selama 100 atau 300 tahun, tetapi Iraq hanya tiga tahun kerana rakyat menentang penaklukan itu, masyarakat Islam kami menentang penaklukan itu.

Anda boleh lihat rakyat tidak menerima kehadiran Amerika atau kuasa asing lain.

Penaklukan itu hanya sementara sehingga kami mengadakan pemilihan dan membentuk kerajaan dan perlembagaan baru. Kami hanya menunggu masa saja. Tetapi ini tidak bermakna kami tidak menyukai Amerika. Kami hanya mahukan hubungan biasa dengan Amerika, bukan hubungan di antara negara penakluk dan negara yang ditakluk. Kami berhak untuk bebas, sama seperti rakyat Amerika menentang penaklukan British pada kurun ke-17 dulu.

Selain pegawai Wisma Putra adakah anda menemui pihak lain seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad?

Ya, kami menemui beberapa pihak lain untuk mendapatkan sokongan. Tidak ada salahnya (menemui Dr Mahathir). Kami ingin menemui semua wakil Malaysia untuk mendapatkan sokongan. Kami harap dapat menjalin hubungan baik dengan Malaysia dan negara lain. Kami memerlukan sokongan semua negara Islam, terutama Malaysia.

Pengerusi semasa ICG, Ahmed Chalabi, ketika berucap di Perhimpunan Agung PBB baru-baru ini meminta badan dunia itu mengiktiraf Iraq sebagai negara berdaulat, tetapi OIC menganggap Iraq tidak mempunyai kerajaan sah?

Kami sudah menduduki kerusi kami dalam PBB dan itu pada pandangan mereka (OIC). kami masih beranggapan keanggotaan Iraq dalam OIC adalah perlu. Kebanyakan negara anggota OIC menyokong kerajaan baru Iraq yang ditubuhkan. Ia adalah satu kemajuan.

Mengapa OIC tidak menerima keanggotaan Iraq sedangkan PBB mengiktiraf Iraq sebagai negara anggota atau OIC sedang mengkajinya?

Iraq tidak lagi dijajah dan kes itu sedang dipertimbangkan. Ya, ia diumumkan Isnin lalu di Qatar. Mereka memberitahu kami ia sedang dipertimbangkan.

Tetapi, adakah Iraq bersetuju dengan kenyataan OIC bahawa ia masih perlukan masa untuk mempertimbangkan keanggotaan Iraq?

Ya, sudah tentu. Kami mahu mereka menyokong kami untuk menghadiri sidang kemuncak itu. Saya ingin menerangkan mengenai kerajaan baru di Iraq. Kami ada kerajaan baru sekarang iaitu IGC. Kami mempunyai 25 anggota yang menubuhkan kerajaan dan mereka semua berkeelayakan. Rakyat Iraq sudah lama merana akibat peperangan dan sekatan ekonomi. Kami akan melaksanakan beberapa langkah bagi menyelesaikan pelbagai masalah. Contohnya, kami perlu menyelesaikan masalah pengangguran yang mencapai tahap 50 peratus ketika ini.

Bagaimana pula mengenai usaha memulihkan ekonomi?

Iraq menggalakkan pelaburan asing dan pembabitan dalam perniagaan. Kami akan membuka pasaran bagi membolehkan perdagangan antarabangsa. Iraq juga akan memperkenalkan penggunaan mata wang dinar baru mulai 15 Oktober depan.

Resolusi 1483 Majlis Keselamatan PBB pada 22 Mei 2003 memberikan kami hak untuk memilih kerajaan sendiri dan mengawal segala sumber di Iraq. PBB

menyediakan bantuan kemanusiaan kepada Iraq dan mewujudkan kerajaan untuk mewakili semua rakyat Iraq menerusi pilihan raya. Tentera penakluk juga dikehendaki memastikan keadaan yang sesuai untuk membolehkan rakyat Iraq memilih kerajaan.

Resolusi juga meminta negara pemberi pinjaman menstruktur semula hutang Iraq berjumlah AS\$320 bilion serta faedah bernilai AS\$50 bilion. Seperti yang anda ketahui, semua hutang itu dibuat kerajaan Iraq sebelum ini dan kini kami memerlukan sokongan masyarakat antarabangsa.

Tidakkah dengan membuka pasaran Iraq terlalu luas akan menyebabkan ekonomi Iraq dikuasai syarikat Amerika?

Memang benar, tetapi kami perlu menyelesaikan terlalu banyak masalah dan salah satunya ialah pengangguran. Untuk sementara waktu, kami amat perlukan sokongan pelabur asing. Ini adalah penyelesaian sementara. Kami akan mengadakan dasar lain pada masa depan.

Pengeluaran minyak Iraq kini dikawal Amerika. Apakah Amerika menyatakan akan menyerahkannya kepada Iraq?

Undang-undang baru membenarkan syarikat asing memasuki Iraq untuk melabur dalam semua perniagaan kecuali minyak. Sebenarnya kerajaan Iraq mengawal pengeluaran minyak, bukannya Amerika.

Bagaimana melaksanakannya jika keselamatan masih menjadi isu?

Sudah tentu isu besar yang perlu diselesaikan ialah soal keselamatan. Kami perlu mengambil alih soal keselamatan.

Delegasi kami kini di Amerika untuk menemui beberapa ahli Kongres bagi menjelaskan mengenai penyerahan kuasa kepada rakyat Iraq. Kami akan menerangkan kepada mereka bahawa kawalan keselamatan oleh Amerika kini amat tinggi kosnya. Pihak berkuasa Iraq boleh melaksanakannya dengan lebih baik dan pada kos lebih rendah.

Rakyat Iraq perlu bersabar dan kami memerlukan sokongan negara luar. Kami merancang dan berharap masa depan Iraq yang lebih cerah. Segala masalah dapat diselesaikan dan kami akan mengembalikan kegemilangan tamadun Iraq. Kami akan cuba mengembalikan segala-galanya kepada rakyat Iraq.

Tetapi Amerika menyatakan mereka akan terus berada di Iraq dan mentadbir Iraq?

Ya, mereka hanya akan berada di Iraq sehingga perlembagaan baru digubal dan pilihan raya umum bagi memilih kerajaan baru Iraq dilaksanakan. Kemudian mereka akan memindahkan kuasa kepada rakyat Iraq. Tetapi kuasa besar lain seperti Perancis mahukan kuasa pemerintahan diberikan segera kepada rakyat Iraq. Amerika mempunyai pandangan berbeza, mereka mahukan perlembagaan diwujudkan dan pilihan raya sebelum memindahkan kuasa pemerintahan. Kami sedang membincangkan perkara itu.

Apakah halangan terbesar untuk Iraq mencapai matlamat itu?

Kami perlu bersabar untuk mencapai matlamat. Sokongan negara lain diperlukan. Kami mahu menjalin hubungan dengan negara lain. Kami perlukan masa, kami tidak boleh melaksanakan dalam masa sehari atau dua hari.

Setiap hari berlaku serangan, terutama terhadap tentera Amerika di Iraq. Bagaimana anda boleh membangunkan semula Iraq?

Tentera Amerika tidak mampu menjamin keselamatan atau menyelesaikan masalah itu. Sebab itu kami meminta untuk mengambil alih kawalan keselamatan. Tiada siapa pun yang mampu melaksanakannya kecuali kami.

Maka, jalan penyelesaiannya ialah untuk Amerika menyerahkan soal keselamatan kepada rakyat Iraq. Adakah Amerika akan bersetuju menyerahkannya begitu saja sedangkan mereka sudah membelanjakan berbilion dolar untuk penaklukan itu?

Ya, satu-satunya jalan penyelesaian. Delegasi kami di Amerika kini meminta supaya soal keselamatan diserahkan kepada Iraq. Mengenai kos penaklukan, itu masalah mereka. Mungkin mereka mempunyai terlalu banyak

wang untuk dibelanjakan.

Pada pandangan kami, masalah di Iraq tidak mungkin dapat diselesaikan dalam masa dua tahun, sebaliknya akan mengambil masa lima tahun atau lebih.

Kami sedang berusaha sebaik mungkin menjayakannya dalam tempoh yang singkat. Kementerian Luar kami diwujudkan kembali pada Julai lalu. Kini kami sudah menjalin semula hubungan dengan beberapa negara, PBB, Liga Arab, OIC dan Kongres Amerika. Sebab itu kami tidak mahu dilupakan atau disisihkan.

Anda juga mempunyai masalah dalaman dengan pengikut Saddam Hussein?

Tidak benar. Sebenarnya masalahnya ialah di antara rakyat Iraq dan tentera penakluk Amerika. Bukan dengan pengikut Saddam. Tentera Amerika dan British tidak memahami budaya kami.

Anda tidak bimbang dengan pengikut Saddam?

Mereka tetap rakyat Iraq dan mereka menentang tentera penakluk Amerika. Tentera Amerika tidak mampu menjamin keselamatan tanpa bantuan rakyat Iraq atau menyerahkannya kepada rakyat Iraq. Pengikut Saddam menentang penaklukan Amerika, bukan menentang rakyat Iraq.

Anda rasa boleh melakukannya dengan lebih baik tanpa Amerika?

Ya, kami tahu rakyat kami. Kami tahu budaya kami. Sebagai sebahagian daripada umat Islam, kami boleh melakukannya lebih baik daripada Amerika.

Apakah yang Iraq mahu OIC lakukan bagi mencapai matlamat ini. Jika ya dalam bentuk apa atau adakah termasuk menghantar tentera pengaman OIC?

Sokong dan bantu kami dalam segala-galanya. Tetapi, Kami mahu menguasai negara kami. Kami tidak mahu tentera asing. Sebagai rakyat Iraq, kami tidak merungut mengenai soal keselamatan, sebaliknya tentera Amerika yang merungut.

Tetapi Amerika kini meminta PBB menghantar pasukan pengaman bagi membantu mereka. Ia menunjukkan Amerika tidak akan menyerahkan soal keselamatan kepada Iraq.

Resolusi baru itu masih dalam kajian. Belum ada keputusan. Kami tahu tetapi kami bersedia mengambilalih kawalan keselamatan daripada mereka.

Mungkin Iraq mahu OIC mengambil ketetapan tegas berhubung soal keselamatan Iraq pada sidang kemuncak nanti?

Kami perlukan sokongan. Jika mereka boleh melakukannya, mengapa tidak. Delegasi ke sidang kemuncak nanti mempunyai beberapa perkara untuk disampaikan, tetapi kami tidak tahu. Apa yang penting ialah kami menghadiri Sidang Kemuncak OIC sebagai negara anggota.

Apakah IGC menerima sokongan rakyat Iraq keseluruhannya?

Ini adalah kerajaan sementara kerana kami akan memilih kerajaan baru. IGC mewakili setiap kumpulan di Iraq dan mereka mempunyai matlamat dan perancangan untuk Iraq. Ia sebagai langkah pertama memulihkan Iraq sehingga kami memilih kerajaan baru menerusi pilihan raya.

Bila pilihan raya akan diadakan?

Tahun depan. Kami sedang bersiap sedia mengadakannya. Kami perlu lakukan bancian penduduk terlebih dulu sebelum mengadakan pilihan raya.

Apakah Amerika bersetuju mengadakan pilihan raya tahun depan?

Ya, mereka sudah bersetuju. Amerika juga mengisytiharkan bahawa mereka akan memerhati perjalanan pilihan raya itu. PBB juga akan terbabit.